



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).600-1/7/69 (8)

Tarikh : 18 Disember 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/  
Puan,*

## **CERAIAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR DAN BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana dimaklumi, cuti belajar merupakan suatu kemudahan yang diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi mengikuti kursus jangka sederhana atau jangka panjang secara sepenuh masa. Kemudahan ini boleh diberikan kepada pegawai yang memenuhi syarat-syarat cuti belajar sama ada dengan biasiswa atau tanpa biasiswa.
3. Bagi memperkukuh prinsip tadbir urus sumber manusia dalam perkhidmatan awam melalui pelaksanaan cuti belajar yang lebih berfokus

kepada keperluan sebenar organisasi, dasar semasa berhubung cuti belajar dan biasiswa dalam perkhidmatan ditambah baik melalui Ceraian SR.5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sebagai rujukan kepada semua.

4. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Garis Panduan dan Surat Edaran berikut dibatalkan tetapi hendaklah terus berkuat kuasa kepada pegawai yang telah menerima kemudahan cuti belajar dan biasiswa di bawah Garis Panduan dan Surat Edaran berikut:

- (i) Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa JPA(L)(S).175/4/1-1 KLT.8(22) bertarikh 19 Jun 2009;
- (ii) Surat Edaran JPA(L)S. 175/4/2-6 Klt. 7 (5) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya bertarikh 30 September 2010;
- (iii) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya (No. Rujukan: JPA(L)S.175/4/2-6 Klt. 7) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010; dan
- (iv) Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya (No. Rujukan:

JPA(L)S.175/4/2-6 Klt. 7(15)) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.


5. Dasar ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat edaran ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

s.k. Ketua Setiausaha Negara